

P.U.(A) 478/2012

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN SEKURITI ISLAM) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1) dan 316(2) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti Islam) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“produk berstruktur” mempunyai erti yang sama seperti yang diperuntukkan dalam garis panduan Suruhanjaya berkenaan dengan produk berstruktur;

“produk berstruktur Islam” ertinya produk berstruktur yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

“sekuriti Islam” ertinya —

(a) syer dalam suatu pertubuhan perbadanan atau pertubuhan yang tidak diperbadankan, yang dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat

Syariah;

- (b) unit dalam suatu skim unit amanah atau pelaburan ditetapkan yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;
- (c) produk berstruktur Islam; atau
- (d) sukuk yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah,

dan termasuklah apa-apa hak, opsyen atau kepentingan yang berkenaan dengannya, yang mematuhi prinsip Syariah;

“sukuk” mempunyai erti yang sama seperti yang diperuntukkan dalam garis panduan Suruhanjaya berkenaan dengan sekuriti Islam.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), sekuriti Islam tidaklah termasuk mana-mana Instrumen Boleh Niaga Islam yang memenuhi syarat yang berikut:

- (a) terbitan Instrumen Boleh Niaga Islam itu adalah oleh suatu institusi berlesen atau bank Islam yang layak yang mematuhi garis panduan bagi Instrumen Boleh Niaga Islam sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia; dan
- (b) tempoh maksimum Instrumen Boleh Niaga Islam itu tidak melebihi lima tahun.

Penetapan sebagai sekuriti

3. (1) Sekuriti Islam ditetapkan sebagai sekuriti bagi maksud undang-undang sekuriti.

(2) Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan, aktiviti, produk atau perkara yang berhubungan dengan sekuriti Islam hendaklah mematuhi kehendak yang berkaitan di bawah undang-undang sekuriti dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Pemakaian Penggal 4 Bahagian VI Akta

4. Apa-apa sebutan mengenai “peminjam” dalam Penggal 4 Bahagian VI Akta hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai “penerbit sukuk” atau “penerbit produk berstruktur Islam” bagi maksud pemakaian peruntukan itu bagi sukuk atau produk berstruktur Islam.

Pembatalan

5. Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Penetapan Sekuriti Islam) 2004 [*P.U.(A) 230/2004*] dibatalkan.

Di buat 27 Disember 2012
[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1 Jld. 8; PN(PU²)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua